

## TAHAP PENGHUJAHAN KEESAAN TUHAN DALAM DAKWAH BERASASKAN ILMU *MANTIQ*

Mohd Faizal Abdul Khir (Corresponding author)  
Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: +019-5790750 E-mail: drfaizal@usas.edu.my

Ibtisam Ibrahim  
Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: +017-3241838 E-mail: ibtisam.ibrahim@usas.edu.my

Anwar Osman Zainuri  
Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: +012-4054232 E-mail: anwar.osmanzainuri@usas.edu.my

---

### Abstrak

Ilmu mantiq merupakan salah satu ilmu yang dapat mengawal pemikiran manusia daripada berlaku kesalahan atau pemesongan sewaktu berfikir. Kesalahan dalam berfikir hakikatnya akan turut memberi kesan terhadap hujah dan penerimaan masyarakat dalam memahami segala jenis maklumat yang disampaikan. Malah, kegagalan seseorang individu dalam memahami metodologi berfikir pastinya akan berlaku keaiban terhadap keupayaannya dalam melontarkan pandangan. Dalam dakwah, hal ini turut diambil kira kerana pendakwah perlu meletakkan parameter atau skopnya dalam pemikiran supaya tidak berlaku sebarang keraguan dan kesamaran dalam penghujahannya. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang tahap penghujahan fikiran bagi membuktikan keesaan Allah SWT. Ia akan dipaparkan secara deskriptif mengikut kepada susunan kekuatan penghujahan daripada yang paling kuat kepada yang paling lemah. Secara khusus, ia disusun bermula dengan hujah *burhaniyyah*, hujah *jadaliyyah*, hujah *khatabiyyah*, hujah *shi'riyyah* dan hujah *mughalatah*. Penelitian terhadap topik ini akan memberikan banyak manfaat antara lainnya pembaca akan dapat membezakan antara penghujahan yang pelbagai mengikut tahap kekuatan penghujahan. Ia juga dibentang dengan contoh sebagai aspek utama perbincangan di samping memudahkan aplikasinya dalam dakwah.

**Kata kunci:** Ilmu mantiq, tahap penghujahan, kesan dakwah

### Abstract

The science of *mantiq* or logic is one of many that regulate human rationale from mistakes or distortions when thinking. Mistakes in thinking will in fact have an impact on arguments and a community understanding the types of information presented. Moreover, an individual's failure to comprehend the methodology of thinking will certainly degrade his

or her ability in expressing views. In da'wah or preaching, this is acknowledged as the preacher needs to set parameters or limitations in thinking to avoid doubts and ambiguity in an argument. Therefore, this article discusses the level of reasoning to prove the oneness of Allah SWT. It will be displayed descriptively according to the order of the strength of the argument beginning with the strongest. Specifically, it is organized starting with *burhaniyyah*, *jadaliyyah*, *khatabiyyah*, *shi'riyyah*, and *mughalatah*. Research on this topic will provide many benefits, among others, the reader will be able to distinguish between various arguments according to the level of strength. It is also presented with examples as the main aspect of the debate in addition to facilitating its application in da'wah.

**Keywords:** Logic, level of argumentation, da'wah effect

---

## Pendahuluan

Dalam apa jua bentuk wasilah dan pendekatan yang digunakan, dakwah perlu disokong dengan hujah. Penghujahan digunakan agar prospek atau *mad'u* akan dapat menerima mesej yang ingin disampaikan oleh pendakwah antaranya melalui akal fikirannya. Ini adalah kerana penghujahan yang dikemukakan melalui sesuatu dalil menunjukkan kepada kebenaran mesej yang dibawa oleh pendakwah (Sambas, 2000, hlm. 155). Oleh kerana itu, pendakwah perlu sentiasa bersedia dengan penghujahannya. Lebih dari itu, ia akan membantu umat keluar dari kepompong taklid yang merupakan penyebab kepada kemunduran umat Islam (Manuty, 2004).

Hujah yang digunakan dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian utama iaitu hujah nukilan dan hujah fikiran (Abdul Khir, 2021, hlm. 2). Hujah nukilan adalah berasaskan kepada penggunaan frasa yang dinukilkan sama ada nukilan bersumberkan wahyu ataupun bukan wahyu. Manakala hujah fikiran adalah berasaskan kepada akal. Penggunaan hujah-hujah ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan situasi yang bersesuaian.

Aspek yang amat penting adalah pendakwah harus memastikan tahap penghujahan yang dikemukakan kerana hujah mempunyai tahap kekuatan yang pelbagai. Kesilapan menggunakan hujah pada tahap yang tidak sesuai akan menyebabkan mesej yang disampaikan akan ditolak. Oleh kerana itu, amat penting agar pendakwah mengetahui tingkatan penghujahannya sama ada hujah itu hujah yang kuat ataupun lemah.

Secara amnya, perbincangan berkaitan tentang penghujahan keesaan Tuhan telah dibincangkan oleh ramai sarjana dalam pelbagai bidang. Ahli Falsafah Islam seperti Ibn Sina (2009, hlm. 153) membahaskannya dalam al-Ta'liqat dan Ibn Rushd (1964, hlm. 155) membincangkannya dalam Manahij al-Adillah. Golongan *mutakallimun* turut membincangkan topik ini khususnya apabila membahaskan sifat *Wahdaniyyah* bagi Allah SWT.

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang tahap penghujahan fikiran bagi membuktikan keesaan Allah SWT. Ia akan dipaparkan secara deskriptif mengikut

kepada susunan kekuatan penghujahan daripada yang paling kuat kepada yang paling lemah. Secara khususnya ia disusun seperti berikut: hujah *burhaniyyah*, hujah *jadaliyyah*, hujah *khatabiyyah*, hujah *shi'riyyah* dan hujah *mughalatah*.

### **Penghujahan Keesaan Tuhan berasaskan Hujah Fikiran**

Keesaan Tuhan bermaksud menafikan bilangan pada Zat, Sifat dan Af'al Tuhan (Fudah, hlm. 40). Ia telah disabitkan oleh para sarjana dengan pelbagai hujah (Al-Safi, 1994, hlm. 76). Fitrah manusia itu mempercayai, mengenali dan seterusnya menyaksikan ketuhanan. Malah manusia juga secara fitrah mempunyai sifat merasa terhutang budi kepada sesuatu yang berbuat baik kepadanya. Justeru itu mereka perlu melakukan sesuatu bagi menyempurnakan perasaan tersebut dalam bentuk amalan keagamaan (Awang, 2003, hlm. 47) dan perhambaan kepada tuhan. Namun begitu sifat keesaan tuhan sering menjadi polemik dalam kalangan umat beragama. Justeru itu, ia perlu kepada penghujahan dan pensabitan hujah.

Seperti mana dinyatakan di atas, penghujahan akan disusun berasaskan kepada kekuatan penghujahan bermula daripada hujah yang kuat kepada hujah yang rendah kedudukannya.

### **Hujah *Burhaniyyah* bagi Keesaan Allah SWT**

Hujah *burhaniyyah* ialah hujah yang yakin tanpa ada syak sama sekali. Ia merupakan hujah yang paling tinggi nilainya dari sudut kepastian (Mujahid Mahmud: 2003, 150) dan kekuatan penghujahan. Ianya terbentuk daripada premis-premis yang yakin (Mujahid Mahmud: 2003, 150). Ini adalah kerana premis-premis yang yakin akan menghasilkan natijah yang yakin juga.

Antara hujah *burhaniyyah* yang digunakan bagi membuktikan keesaan Allah SWT ialah *burhan tamanu'* (Fudah, hlm. 108; Al-Shahrastani, 1934, hlm. 92; Al-Safi, 1994, hlm. 77). Ia berasaskan kepada dua premis utama iaitu:

Alam ini wujud atau tidak musnah, dan sekiranya ada banyak Tuhan maka alam ini akan musnah.

Premis pertama: "Alam ini wujud atau tidak musnah" adalah berada pada tahap yakin berasaskan kepada pemerhatian menggunakan pancaindera. Ia terbukti secara yakin bahawa alam ini wujud. Atau sekurang-kurangnya tidak hancur musnah secara total.

Premis kedua: "Sekiranya ada banyak Tuhan maka alam ini akan musnah" juga adalah berada pada tahap yakin. Sekiranya Tuhan ada dalam jumlah yang banyak nescaya hancur alam ini. Ini adalah kerana setiap Tuhan ingin melaksanakan kehendak mutlak yang berbeza-beza antara satu sama lain. Sekiranya semua kehendak adalah sama antara Tuhan, maka ia tidak menunjukkan kehendak mutlak yang sempurna. Sekiranya semua Tuhan bersepakat dalam setiap tindakan, maka ia tidak menunjukkan kehendak mutlak yang sempurna. Oleh kerana itu, sudah pasti akan berlaku perbezaan dan percanggahan antara

kehendak Tuhan yang pelbagai. Situasi ini akan membawa kepada kecelaruan dan seterusnya kemusnahan alam.

Oleh kerana alam ini kekal ada dan berada dalam keadaan tersusun rapi, maka sudah pasti secara yakin tanpa syak lagi bahawa Tuhan itu esa. Bentuk penghujahan ini turut digunakan dalam Quran antara dalam Surah al-Anbiya': 22.

### **Hujah *Jadaliyyah***

Hujah yang menundukkan pihak lawan tetapi tidak pada tahap yakin (mutafalsef.blogspot.com, t.t). Ia juga didefinisikan sebagai hujah yang terbentuk dari mukadimah yang masyhur atau diterima ramai (*musallamat*). Contoh sesuatu yang diterima ramai: keadilan adalah baik dan kezaliman adalah buruk (Al-Huwayni, 1992, hlm. 207).

Ciri-ciri hujah *jadaliyyah*::

- a. Tahapnya tidak sampai kepada tahap yakin tetapi lebih tinggi daripada tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*).
- b. Ia terbentuk daripada premis-premis masyhur diterima dalam kalangan masyarakat atau kenyataan yang diterima oleh pihak lawan itu sendiri.
- c. Akal secara sepintas lalu tidak terfikir akan pernyataan yang bertentangan dengannya adalah suatu yang mungkin juga (Mahmud, 2003, hlm. 151).
- d. Hujah yang dibina atas asas yang diterima oleh orang ramai atau sekumpulan orang atau pihak lawan.
- e. Menggunakan kenyataan yang diterima oleh pihak lawan sebagai hujah ke atas pihak lawan tersebut.

Contoh hujah *jadaliyyah* bagi menetapkan keesaan Tuhan:

Menggunakan nas daripada Bible untuk menetapkan keesaan Tuhan ke atas orang Kristian, antaranya:

<sup>28</sup> And one of the scribes came, and having heard them reasoning together, and perceiving that he had answered them well, asked him, Which is the first commandment of all? <sup>29</sup> And Jesus answered him, The first of all the commandments is, Hear, O Israel; The Lord our God is one Lord: <sup>30</sup> And thou shalt love the Lord thy God with all thy heart, and with all thy soul, and with all thy mind, and with all thy strength: this is the first commandment. <sup>31</sup> And the second is like, namely this, Thou shalt love thy neighbour as thyself. There is none other commandment greater than these. <sup>32</sup> And the scribe said unto him, Well, Master, thou hast said the truth: for there is one God; and there is none other but he: Mark 12:28-32 (King James Version).

Maksudnya: <sup>28</sup> Dan datanglah seorang dari ahli Taurat, dan setelah mendengar mereka berbincang bersama-sama, dan mengetahui bahawa dia telah menjawab mereka dengan baik, bertanya kepadanya, Apakah perintah

yang pertama dari semuanya? <sup>29</sup> Dan Jesus menjawabnya, Yang pertama dari semua perintah ialah, Dengarlah, hai Israel; Tuhan Allah kita adalah Tuhan yang satu: <sup>30</sup> Dan engkau harus mengasihi Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu, dan dengan segenap jiwamu, dan dengan segenap akal budimu, dan dengan segenap kekuatanmu: inilah perintah yang pertama. <sup>31</sup> Dan yang kedua ialah seperti ini, Engkau harus mengasihi sesamamu seperti dirimu sendiri. Tidak ada perintah lain yang lebih besar daripada perintah ini. <sup>32</sup> Dan ahli Taurat itu berkata kepadanya, Baik, Guru, kamu telah berkata benar: kerana ada satu Tuhan; dan tidak ada yang lain selain dia: Mark 12:28-32 (King James Version).

<sup>3</sup> And this is life eternal, that they might know thee the only true God, and Jesus Christ, whom thou hast sent. John 17:3 (King James Version)

Maksudnya: <sup>3</sup> Dan inilah hidup yang kekal, supaya mereka mengenal Engkau, satu-satunya Tuhan yang benar, dan mengenal Jesus, yang telah Engkau utus. Yohanes 17:3 (King James Version)

Sewajarnya nas itu diambil daripada Perjanjian Baharu kerana walau pun Perjanjian Lama turut diimani oleh orang Kristian, tetapi dari sudut pentafsiran nas, Perjanjian Baharu dilihat lebih berautoriti dan *legitimate* dalam beberapa perkara.

Nas-nas dalam Perjanjian Lama yang menetapkan keesaan Tuhan adalah seperti berikut:

<sup>4</sup> Hear, O Israel: The LORD our God is one LORD. Deuteronomy 6:4 (King James Version)

Maksudnya: <sup>4</sup> Dengarlah, hai Israel: TUHAN, Allah kita, adalah TUHAN yang esa. Ulangan 6:4 (King James Version)

<sup>35</sup> Unto thee it was shewed, that thou mightest know that the LORD he is God; there is none else beside him. Deuteronomy 4:35 (King James Version)

Maksudnya: <sup>35</sup> Kepadamu telah diperlihatkan, supaya engkau mengetahui bahawa Tuhan Dialah Allah; tiada orang lain selain dia. Ulangan 4:35 (King James Version)

<sup>39</sup> Know therefore this day, and consider it in thine heart, that the LORD he is God in heaven above, and upon the earth beneath: there is none else. Deuteronomy 4:39 (King James Version)

Maksudnya: <sup>39</sup> Sebab itu ketahuilah pada hari ini dan perhatikanlah dalam hatimu, bahawa TUHAN, Dialah Allah di langit di atas dan di bumi di bawah; tidak ada yang lain. Ulangan 4:39 (King James Version)

<sup>4</sup> As concerning therefore the eating of those things that are offered in sacrifice unto idols, we know that an idol is nothing in the world, and that there is none other God but one. 1 Corinthians 8:4 (King James Version)

Maksudnya: <sup>4</sup> Oleh itu, mengenai makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala, kita tahu bahawa berhala bukanlah apa-apa di dunia ini, dan bahawa tidak ada Tuhan lain selain satu. 1 Korintus 8:4 (King James Version)

<sup>20</sup> Now a mediator is not a mediator of one, but God is one. Galatians 3:20 (King James Version)

Maksudnya: <sup>20</sup> Sekarang seorang pengantara bukanlah pengantara bagi satu orang, tetapi Allah adalah satu. Galatia 3:20 (King James Version)

<sup>5</sup> For there is one God, and one mediator between God and men, the man Christ Jesus; 1 Timothy 2:5 (King James Version)

Maksudnya: <sup>5</sup> Kerana ada satu Tuhan, dan satu pengantara antara Tuhan dan manusia, manusia Kristus Yesus; 1 Timotius 2:5 (King James Version)

Nas-nas dalam kitab Bible di atas dipercayai oleh penganut Kristian kerana ia merupakan kitab suci mereka. Namun begitu ia tidak sampai kepada tahap yakin kerana:

- a. Ia hanya dipercayai oleh penganut Kristian sahaja.
- b. Ia dianggap tidak benar oleh pihak lain sebagaimana tanggapan orang Islam yang menyatakan Taurat dan Injil telah diubah.
- c. Ia masih boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran. Sebagai contoh orang Kristian dengan mudah menyatakan bahawa tafsiran keesaan mereka adalah trinita dengan mafhum tiga dalam ketunggalan.

Oleh kerana itu, hujah yang dikemukakan ini adalah hujah *jadaliyyah*.

Contoh yang lain adalah menggunakan nas daripada Veda untuk menetapkan keesaan Tuhan ke atas orang Hindu, antaranya:

Verily He is one  
Single, indivisible, supreme reality. (Atharva Veda 13/4/2)

Maksudnya: Sesungguhnya Dia adalah satu  
Realiti tunggal, tidak dapat dipisahkan, tertinggi. (Atharva Veda 13/4/2)

He is the sole sovereign  
Of the universe. (Rig Veda 6/36/4)

Maksudnya: Dialah yang berdaulat tunggal  
Bagi alam semesta. (Rig Veda 6/36/4)

Nas-nas dalam kitab suci agama Hindu di atas dipercayai oleh penganut Hindu kerana ia merupakan kitab suci mereka. Namun begitu ia tidak sampai kepada tahap yakin kerana:

- a. Ia hanya dipercayai oleh penganut Hindu sahaja.
- b. Ia dianggap tidak benar oleh pihak lain.
- c. Ia masih boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran. Sebagai contoh orang Hindu dengan mudah menyatakan bahawa tafsiran keesaan mereka adalah trimurti dengan mafhum tiga dalam ketunggalan.

Oleh kerana itu, hujah yang dikemukakan ini adalah hujah *jadaliyyah*.

### **Hujah *Khatabiyyah***

Hujah yang tidak menundukkan pihak lawan tetapi berada pada tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*) (Kazim, hlm. 30). Maksud diterima ialah diambil dari seorang yang alim atau wali dan maksud *zann* ialah sesuatu yang diambil berasaskan kepercayaan yang kuat (*'i'tiqad rajih*).

Ia dinamakan sebagai *khatabiyyah* kerana dinisbahkan kepada *khatabah* (khutbah) yang mana kebiasaannya para *khatib* dan *wa'iz* (pemberi peringatan) menyatakan sesuatu bagi menggalakkan orang ramai melakukan kebaikan tanpa melihat kepada kekuatan sesuatu penyataan walau pun ianya perlu betul (Al-Huwayni, 1992, hlm. 207).

Ciri-cirinya hujah *khatabiyyah*:

- a. Ia berada pada tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*) dan tidak jatuh ke tahap dusta atau khayalan.
- b. Ia terbentuk daripada premis-premis yang berada pada tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*) (Mujahid Mahmud: 2003, 153).
- c. Ia mungkin berupa nukilan daripada kitab-kitab rujukan atau pendapat-pendapat para ahli dan ilmuan.
- d. Hujah *jadaliyyah* dan *khatabiyyah* merupakan penghujahan yang hampir sama dan membezakan antara keduanya adalah hujah *khatabiyyah* tidak perlu menghadirkan pihak yang lain untuk menyempurnakan penghujahan tersebut. Cukup sekadar satu pihak penghujahan tersebut boleh diterima. Berbeza dengan hujah *jadaliyyah* yang memerlukan kepada adanya pihak lawan bagi menyempurnakan penghujahan.

Contoh hujah *khatabiyyah* bagi menetapkan keesaan Tuhan (Mahmud, 2003, hlm. 153): Kamu tidak suka hamba atau pekerja kamu menjadi sekutu atau rakan kongsi bagi harta kamu. Oleh itu, adakah wajar kamu menjadikan sekutu bagi Tuhan? Sudah tentu ianya amat tidak wajar kerana kamu sendiri tidak mahu hamba atau pekerja kamu menjadi sekutu bagi kamu (Al-Fakhr al-Razi, hlm. 98; Ibn 'Atiyyah, hlm. 335).

Hujah ini berteraskan kepada sangkaan bahawa manusia tidak suka orang yang berada di bawah kekuasaannya berkongsi apa yang dia miliki. Secara amnya sangkaan ini adalah amat kuat sehingga ia dapat dikategorikan sebagai terimaan yang kuat (*zann rajih*) (Amad



Kazim: t.t., 30). Ia tidak sampai kepada tahap yakin kerana boleh sahaja orang yang diberikan hujah ini menolak hujah ini dengan mengatakan dia secara peribadi bersetuju sahaja untuk berkongsi pemilikannya dengan hamba atau pekerjanya dalam keadaan orang yang memberikan hujah ini tidak dengan mudah menolak apa yang dinyatakan itu.

Pun begitu ia masih boleh diperpanjangkan seperti contohnya dikatakan kepada lawannya: Kalau begitu, kamu berkongsilah segala yang kamu miliki dengan orang lain. Dan penghujahan itu akan berterusan daripada kedua-dua belah pihak. Oleh kerana itu, hujah yang dikemukakan ini adalah hujah *khatabiyyah*.

### **Hujah *Syi'riyyah***

Hujah yang lebih rendah dari tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*) tetapi diterima oleh perasaan atau jiwa pihak lawan atau pendengar. Ia merupakan pernyataan berbentuk gambaran yang membekaskan reaksi jiwa yang tersentuh sama ada merasa selesa atau sempit. Keadaan jiwa yang selesa membawa kepada penerimaan dan keadaan jiwa yang sempit membawa kepada penolakan (Al-Huwayni, 1992, hlm. 209).

Ciri-ciri hujah *Syi'riyyah* seperti berikut:

- a. Ia mempergunakan perasaan dan jiwa manusia.
- b. Ia mungkin terbentuk daripada premis yang dusta, khayalan atau bayangan (Mahmud, 2003, hlm. 154) tetapi memberi kesan kepada perasaan dan jiwa.
- c. Ia diterima oleh lawan atau pendengar kerana ia memberi kesan kepada perasaannya.

Contoh hujah *syi'riyyah* bagi menetapkan keesaan Tuhan:

Teori perkembangan agama menyatakan bahawa sejarah menunjukkan manusia berkembang daripada mempercayai kewujudan Tuhan yang banyak kepada tuhan yang satu (Got Questions Ministries, t.t).

Hujah ini secara asasnya dibina atas premis yang lebih rendah daripada tahap terimaan yang kuat (*zann rajih*). Ini adalah kerana teori yang lebih kuat dan selaras dengan nas agama menyatakan bahawa manusia itu pada asalnya mempercayai tuhan yang esa. Namun begitu, penggunaan istilah “teori perkembangan agama” sedikit sebanyak mampu mempengaruhi pendengar ketika pertama kali mendengar hujah ini. Ini kerana istilah tersebut mempunyai nilai-nilai yang terkait dengan kajian saintifik yang sememangnya boleh mempengaruhi lawan atau pendengar walau pun ia merupakan teori yang lemah atau mungkin salah sama sekali. Oleh kerana itu, hujah dalam bentuk teori yang dikemukakan di atas adalah hujah *syi'riyyah*.

### **Hujah *Mughalatah***

Hujah yang salah (Mahmud, 2003, hlm. 156) dan ditolak dari sudut agama atau akal atau perasaan. Ciri-cirinya adalah berikut:



- a. Ia mungkin terbentuk daripada mukadimah yang dusta atau khayalan atau bayangan.
- b. Ia ditolak oleh hujah yang benar.

Contoh hujah *mughalatah* bagi menetapkan keesaan Tuhan:

Orang musyrik Mekah berhujah dengan Nabi SAW dengan mengatakan bahawa sekiranya Allah SWT berkehendak maka mereka tidak akan mensyirikkanNya.

Hujah yang dikemukakan oleh orang musyrik Mekah adalah berkaitan dengan kehendak Allah SWT. Mereka meletakkan hujah untuk mengesakan Allah SWT pada kehendak Allah SWT dan menafikan taklif atau bebanan yang perlu mereka pikul dalam mencari hakikat sebenar ketuhanan. Rumusan daripada hujah mereka: oleh kerana Allah SWT tidak berkehendakkan kami mengesakanNya maka kami mensyirikkanNya (Ibn Kathir, hlm. 570).

Hujah ini adalah tertolak berasaskan kepada beberapa hujah:

- a. Hujah ini adalah berasaskan khayalan bahawa Allah SWT tidak menghendakkan mereka mengesakanNya. Hujah *burhaniyyah* berasaskan kepada pancaindera secara jelas melihat kewujudan seorang Rasul iaitu Muhammad SAW yang menyatakan keesaan Allah SWT. Ia secara pasti menunjukkan kehendak Allah SWT agar semua manusia mengesakan Allah SWT yang dinyatakan melalui RasulNya. Ia secara pasti bertentangan dengan hujah yang mereka kemukakan dalam dakwaan mereka. Oleh kerana itu, hujah yang dikemukakan oleh orang musyrik adalah hujah *mughalatah*.
- b. Hujah ini bertentangan dengan hujah *burhaniyyah* yang menyatakan bahawa manusia itu mempunyai kebebasan untuk memilih. Ia didasari oleh premis bahawa Tuhan itu adil. Ini adalah kerana sekiranya manusia tidak mempunyai kebebasan memilih, kemudiannya dia dihukum dengan neraka, maka ia menafikan keadilan Tuhan. Sehubungan dengan itu, secara pasti, Tuhan itu adil dan manusia itu mempunyai kebebasan memilih. Ia menolak penghujahan yang berasaskan kepada kehendak Tuhan bagi menetapkan keesaan Tuhan oleh manusia. Oleh kerana itu, hujah yang dikemukakan oleh orang musyrik adalah hujah *mughalatah*.

## Kesimpulan

Pendakwah yang memiliki cara fikir dan penghujahan yang jelas merupakan salah satu aspek penting dalam menentukan keberkesanan dakwah. Ini kerana, dakwah perlu disokong dengan hujah yang tepat dan cara fikir yang bersesuaian agar masyarakat dapat memahami hujah-hujah yang disampaikan. Maka, salah satu keperluan yang perlu dilatih bagi pendakwah hari ini adalah dengan mempelajari ilmu *mantiq* yang pada asasnya akan mengembangkan lagi potensi akal dalam mengkaji sebarang maklumat dengan menggunakan metodologi berfikir yang betul. Antaranya adalah mengikut penyusunan tahap kekuatan penghujahan iaitu hujah *burhaniyyah*, hujah *jadaliyyah*, hujah *khatabiyyah*,

hujah *shi'riyyah* dan hujah *mughalatah*. Kesilapan menggunakan hujah pada tahap yang tidak sesuai akan menyebabkan mesej yang disampaikan akan ditolak. Oleh kerana itu, amat penting agar pendakwah mengetahui tingkatan penghujahannya, sama ada hujah itu hujah yang kuat ataupun lemah.

## Rujukan

Quran

Bible, King James Version.

Atharva Veda

Rig Veda

Abdul Khir, M. F. (2021). *Muzakkirath al-Khatabah (Modul al-Khatabah)*. Kuala Kangsar: Universiti Sultan Azlan Shah.

Al-Buti, M. S. (1999). *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah* (ed. Kelapan). Damsyik: Dar al-Fikr.

Al-Fakhr al-Razi. (t.t). *Mafatih al-Ghayb* (Jld. 25). Al-Maktabah al-Shamilah 3.25.

Al-Huwayni, H. M. (1992). *Dirasat fi al-Mantiq al-Qadim*.

aljazeera.net. (t.t). Didapatkan dari aljazeera.net:  
<https://www.aljazeera.net/blogs/2017/8/9/%>

Al-Juwayni. (1995). *Al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-'Itiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Safi, M. a.-D. (1994). *Muhadarat fi al-Tawhid*.

Al-Shahrastani. (1934). *Nihayah al-Iqdam fi 'Ilm al-Kalam*.

Awang, R. (2003). *Sejarah Tuhan*. Pahang : PTS Publications & Distributor.

Fudah, S. '-L. (t.t). *Tahzib Sharah al-Sanusiyyah Ummu al-Barahin*.

Got Questions Ministries. (t.t). *Hal Yumkin Ithbat Wihdaniyyah Allah*. Didapatkan dari gotquestions.org: <https://www.gotquestions.org/Arabic/Arabic-monotheism.html>

Ibn 'Atiyyah. (t.t). *Al-Muharrar al-Wajiz* (Jld. 4). Al-Maktabah al-Shamilah 3.25.

Ibn Kathir. (t.t). *Tafsir Ibn Kathir* (Jld. 4). Al-Maktabah al-Shamilah 3.25.

Ibn Rushd. (1964). *Manahij al-Adillah fi 'Aqa'id al-Millah*. Mesir: Al-Maktabah al-Anjalo.

Ibn Sina. (2009). *Al-Ta'liqat*. Damsyik: Dar al-Firqad.

Kazim, A. (t.t). *Al-Muhajaja al- 'Aqliyyah fi Barhanah al-Haqa'iq al-Quran*. Mu'assasah al-Sabil.

Mahmud, M. (2003). *Manhaj al-Quran al-Karim fi Iqamah al-Dalil wa al-Hujjah*. Jamiah al-Najah al-Wataniyyah.

Manuty, M. N. (2004). Antara Kemunduran Umat Islam dan Kemajuan Lain-Lain Bangsa: Satu Refleksi Keatas Pemikiran Shakib Arsalan. *Seminar Islam Hadhari*. Kolej Islam Darul Ridzuan.

Mutafalsef.blogspot.com. (t.t). Didapatkan dari mutafalsef.blogspot.com:  
[http://mutafalsef.blogspot.com/2015/07/blog-post\\_45.html?m=1](http://mutafalsef.blogspot.com/2015/07/blog-post_45.html?m=1)

Sambas, H. S. (2000). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: Pt Remaja Rosdakarya Offset Bandun.